



## **TEKS UCAPAN ALUAN**

**Y.B DATIN SRI AZIZAH BT ZAKARIA**

**AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI PARIT RAJA**

**SEMPENA**

**PROGRAM KONVENTSYEN GAP RISDA NEGERI JOHOR 2017**

**TEMPAT : Universiti Tun Hussein Onn  
TARIKH : 13 September 2017 (Rabu)  
MASA : 10.00 pagi**

**YBrs. Pengacara Majlis,**

**Yang Dihormati YB Tan Sri Mohamad bin Hj. Aziz**

**Speaker Dewan Undangan Negeri Johor.**

**Yang Dihormati Puan Hajah Zainabon bt Ismail**

**Pengarah Bahagian Pengembangan Dan Pemindahan Teknologi**

**Yang Berusaha En Damanhuri bin Hj Toha**

**Pengarah RISDA Negeri Johor**

**Pegawai-Pegawai RISDA Negeri Johor dan Pegawai-pegawai RISDA Daerah**

**Penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung**

**Pemaju Masyarakat RISDA, Pemimpin-Pemimpin Tempatan serta pekebun-pekebun kecil yang dihormati sekalian**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Salam Muafakat Johor dan Salam Negara Ku.**

1. Alhamdulillah, pertamanya marilah sama-sama kita memanjatkan rasa syukur Ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnianya maka kita dapat berkumpul pada pagi ini dalam “ **Konvensyen Amalan Pertanian Baik. ( GAP)**” yang dianjurkan oleh pengurusan RISDA Negeri Johor. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengurusan RISDA Negeri Johor kerana sudi menjemput saya untuk bersama dalam majlis ini dan memilih Parit Raja sebagai lokasi pilihan untuk program ini. Usaha seumpama ini amat penting kerana ia dapat merapatkan hubungan antara pemimpin-pemimpin negeri dengan pekebun kecil dan penduduk tempatan.
2. Seperti yang kita sedia maklum majlis seumpama ini diadakan bertujuan untuk menyalurkan maklumat- maklumat penting kepada pekebun kecil agar pekebun kecil turut sama membangun dan maju selaras dengan arus pembangunan negara. Semoga usaha seperti ini dapat terus dilaksanakan dari semasa kesemasa demi kepentingan pekebun kecil khasnya dan penduduk di luar bandar amnya.

3. Untuk mencapai kemajuan dan meningkatkan taraf sosio ekonomi, masyarakat pekebun kecil perlulah bergerak proaktif dan sentiasa mengetahui tentang teknik-teknik amalan pertanian yang baik. Agensi-agensi kerajaan seperti RISDA akan sentiasa berusaha untuk membantu pekebun-pekebun kecil untuk mencapai matlamat yang telah digariskan. Kerjasama yang erat antara agensi kerajaan dan pekebun kecil perlu sentiasa berada ditahap yang tinggi bagi memudahkan segala bantuan disalurkan kepada golongan sasar.
4. Penekanan kepada Amalan Pertanian Baik (GAP) telah diyatkan semenjak tahun 2012 lagi. Bermula dengan GAP-GAP seperti berikut :
  1. GAP 1 Pembangunan dan Penyelenggaraan Kebun,
  2. GAP 2 Pembajaan,
  3. GAP 3 Penggunaan Bahan Rangsangan Lateks dan
  4. GAP Penorehan atau Penuaian.

Amalan Pertanian Baik (GAP) perlu dibudayakan dan diamalkan oleh semua pekebun kecil.

Dengan amalan ini, diharapkan produktiviti kebun akan dapat ditingkatkan dan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan.

5. Akhir kata, saya berharap supaya semua pekebun kecil perlu sedar bahawa peranan tuan-tuan /puan-puan amat penting bagi memastikan taraf sosio-ekonomi semua pekebun kecil akan terus meningkat dari masa ke semasa. Adalah diharapkan pekebun kecil yang pernah tergolong dalam kelompok miskin tegar atau miskin akan terkeluar dari kumpulan ini, malahan melalui usaha-usaha seperti ini mereka akan mencapai tahap yang lebih maju, sejahtera dan makmur.

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Walhidayah**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Terima Kasih.**